

Usim tubuh Kursi Kepemimpinan Islam



Idris menyaksikan Majlis Tandatangani Jual Beli Tanah Milik Yayasan Melaka Dengan SPNB Idaman Sdn Bhd di Seri Negeri, semalam.

NILAI – Kerajaan menyokong langkah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menubuhkan Kursi Kepemimpinan Islam sebagai usaha menjadikan Malaysia sumber rujukan utama dalam kajian kepemimpinan Islam kontemporari.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, penubuhan itu amat signifikan dan bertepatan dengan komitmen kerajaan untuk meningkatkan martabat Islam di mata dunia.

Menurutnya, Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin Muhammad itu mampu

menjadi pelopor kepada usaha pengkajian ilmiah yang sesuai dengan tuntutan masyarakat moden hari ini.

“Saya menyarankan agar ahli akademik dari dalam dan luar Usim bekerjasama menghasilkan kajian-kajian ilmiah yang signifikan menerusi Kursi Kepemimpinan Islam ini.”

“Saya yakin penubuhan ini amat bersesuaian dengan teras kepakaran Usim di dalam bidang Sains Islam,” katanya.

Kursi Kepimpinan Islam yang dinamakan sempena nama bapa Muhyiddin iaitu Mohd Yassin sebagai menghargai ketokohan Allahyarham

yang semasa hayatnya begitu progresif, proaktif serta memiliki jati diri dalam memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di Malaysia khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran.

Kursi Kepimpinan Islam itu ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen dengan dana permulaan RM500,000 untuk tempoh setahun.

Usim turut melantik bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak sebagai penyandang Kursi berkenaan.